جابتن اݢام اسلام سلاڠور
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Faks : 03-5510 3368
Portal Rasmi: www.jais.gov.my
Emel : info@jais.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JAI.SEL.BPI 03/05/083/02 Jld 18 (93)
Tarikh : 29 Safar 1438 H
29 November 2016M

***"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"***

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Pengetua/ Mudir/ Guru Besar :**
**Prasekolah Islam Persendirian/ Swasta**
**Sekolah Rendah Islam/ Swasta (SRI)**
**Sekolah Rendah Islam Integrasi Persendirian/ Swasta (SRII)**
**Sekolah Menengah Islam Persendirian/ Swasta (SMI)**
**Institut Tahfiz Persendirian/ Swasta**
**Pusat Tuisyen Islam Persendirian/ Swasta**

Melalui,

**Pegawai Tadbir Agama Daerah**
**Pejabat Agama Islam Daerah**

Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN JATA NEGERI SELANGOR DAN LOGO JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

Dengan hormat izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, hasil permerhatian dan pemantauan yang dilaksanakan, Jabatan menemui beberapa sampel Sekolah- sekolah Islam Persendirian/ Swasta yang telah menggunakan Jata Kerajaan Negeri Selangor serta logo JAIS tanpa kebenaran dan tindakan tersebut boleh mengelirukan masyarakat.

3. Sehubungan itu, dengan kuasa yang diberi melalui Enakmen Pengawalan Sekolah- sekolah Agama Islam Negeri Selangor 1998 Pindaan 2001 selaku Pendaftar Sekolah- sekolah Islam Negeri Selangor menyatakan, tuan/puan agar tidak menggunakan Jata Negeri Selangor dan logo JAIS tanpa kebenaran bagi kegunaan di sekolah tuan/ puan. Sehubungan itu juga, tuan/ puan adalah dilarang untuk mengaburi masyarakat seolah- olah sekolah tuan/ puan adalah milik penuh Kerajaan Negeri dan JAIS.

4. Oleh itu, tuan/ puan hanya boleh mempamerkan kenyataan "BERDAFTAR DENGAN JAIS: KOD SEKOLAH XXXXX pada semua papan tanda sekolah, produk-produk sekolah serta dokumen- dokumen berkaitan seperti sijil penghargaan, sijil penyertaan termasuklah sijil berhenti sekolah (rujuk Lampiran A).

Ruj. Tuan : 
Ruj. Kami : JAI.SEL.BPI 03/05/083/02 Jld 18 (93)
Tarikh : 29 Safar 1438 H
29 November 2016M

**PENGGUNAAN JATA NEGERI SELANGOR DAN LOGO JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan tuan/ puan adalah tertakluk kepada Seksyen 7 (2) (b) dalam Enakmen Pengawalan Sekolah- sekolah Agama Islam Negeri Selangor 1998 Pindaan 2001. Sehubungan itu tuan/puan dikehendaki membuat tindakan yang sewajarnya dan sekiranya tuan/ puan gagal mematuhi arahan ini, tuan/ puan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 22.

Kerjasama tuan/ puan dalam perkara ini amat diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

**" BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

.............................................................

**(DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S.,S.I.S.,A.S.A., P.P.T)**
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor
No. Te : 03 – 5514 3635
No. Faks : 0 3- 5512 3035

s.k : 1. Kamar Penasihat Undang- Undang
Tingkat 4, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40512 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

2. Penasihat Undang- Undang
Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 &10 Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, 40676 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

3. Fail

LAMPIRAN A

1. Penggunaan Jata Selangor dan Logo yang **TIDAK DIBENARKAN**

a. Menggunakan kedua- dua Jata Selangor dan Logo JAIS seperti contoh:




b. Menggunakan salah satu daripada Jata Selangor atau Logo JAIS seperti contoh:

i.




ii.




iii.




iv.




2. Cadangan pemakluman identiti sekolah

